



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU TEKNIK KANAN (C.2 EB.3)
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEMBANTU TEKNIK KANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Elektrik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang 8 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN:

1. Membantu Ketua / Pegawai atasan dalam memeriksa, pelaksanaan dan pengawasan kerja-kerja pemeliharaan aset infrastruktur dan utiliti ladang di bawah pengendalian Seksyen Kejuruteraan Pertanian;
2. Membantu pegawai dalam menyediakan kontrak dokumen sebut harga atau tawaran serta memantau pengeluaran dan sokongannya;



3. Memproses tuntutan-tuntutan projek untuk dihadapkan kepada pegawai berkenaan bagi penyediaan sijil bayaran dan pengesahan kerja;
4. Memantau penerimaan tuntutan-tuntutan dan membuat laporannya dari semasa ke semasa;
5. Membantu Ketua / Pegawai atasan dalam penyediaan anggaran peruntukan tahunan dan peruntukan tambahan jika perlu.
6. Menyemak dan meneliti tuntutan serta dokumen berkaitan yang terdapat dalam senarai semak supaya ianya teratur sebelum dipanjangkan ke Unit Kewangan;
7. Menyelaras dan menghadiri perjumpaan bersama Jabatan-Jabatan Kerajaan, Swasta, Pemborong dan pihak Klien yang terlibat dalam urusan Seksyen Kejuruteraan Pertanian; dan
8. Menerima arahan dari Ketua / pegawai atasan dari semasa ke semasa.